



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/10/112(HQ)

KEUNTUNGAN BERSIH TNB TERJEJAS AKIBAT KEJATUHAN NILAI RINGGIT

- **Keuntungan Selepas Cukai merosot sebanyak 5.7% kepada RM6.1 bilion (TK2014 : RM6.4 bilion)**
- **Kerugian Tukaran Wang Asing sebanyak RM0.8 bilion (TK2014 : Keuntungan Tukaran Wang Asing RM0.4 bilion)**
- **Pelaburan Perbelanjaan Modal “capex” berjumlah RM10.8 bilion (TK2014 : RM10.0 bilion)**

Kuala Lumpur, 29 Oktober 2015 – **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini mengumumkan Keuntungan Selepas Cukai susut sebanyak 5.7% kepada RM6.1 bilion bagi Tahun Kewangan 2015 (TK2015), berbanding RM6.4 bilion yang dilaporkan pada TK2014. Ini berikutan kejatuhan nilai Ringgit yang mengakibatkan Kerugian Tukaran Wang Asing sebanyak RM0.8 bilion bagi tahun kewangan ini, berbanding Keuntungan Tukaran Wang Asing berjumlah RM0.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pada tahun kewangan ini, Kumpulan terus membuat pelaburan perbelanjaan modal yang tinggi sebanyak RM10.8 bilion berbanding RM10.0 bilion yang dilaburkan pada tahun lepas. Kira-kira 50.0% daripada perbelanjaan modal tersebut dibelanjakan ke arah memastikan kecekapan, keselamatan dan daya harap sistem melalui pelaburan dalam penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem. Selebihnya, perbelanjaan modal tersebut dibelanjakan untuk projek-projek Penjanaan bagi memenuhi keperluan kapasiti masa hadapan iaitu sebanyak lebih kurang 4,100 MW. Salah satu daripada projek berkenaan, iaitu Manjung 4 dengan kapasiti sebanyak 1,010 MW telah dimulatugas dengan jayanya pada 14 April 2015.



S.A. 2015/10/112 (HQ)

Prestasi Kumpulan menyaksikan peningkatan pendapatan sebanyak 1.2% kepada RM43.3 bilion bagi tahun kewangan ini berbanding RM42.8 bilion bagi tempoh yang sama tahun lepas. Pendapatan yang direkodkan bagi tempoh pelaporan ini telah mengambil kira jumlah lebihan pemuliharaan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak RM1.9 bilion bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Ogos 2015.

Perbelanjaan operasi bagi TK2015 berkurangan sebanyak 2.2% kepada RM35.5 bilion berbanding RM36.3 bilion yang dilaporkan pada TK2014. Ini adalah disebabkan oleh kos penjanaan yang lebih rendah berikutan pengurangan penggunaan Gas Asli Cecair (LNG) dan minyak & bahan api sulingan (*oil & distillate*) berbanding penggunaan tahun sebelumnya. Penurunan harga komoditi, iaitu arang batu dan LNG turut menyumbang kepada kos penjanaan yang lebih rendah. Harga purata arang batu yang direkodkan adalah pada paras RM236.0 per tan metrik berbanding RM244.6 per metrik tan yang dicatatkan pada tahun lalu. Harga purata LNG pula direkodkan pada paras RM45.21 per mmbtu berbanding RM46.45 per mmbtu yang dicatatkan tahun lepas.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata, "Prestasi tahun ini menggambarkan keberkesanan rangka kerja Sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) dalam memastikan TNB memperolehi pendapatan yang stabil dan jelas. Rangka kerja IBR membolehkan TNB mendapat tahap pulangan yang munasabah untuk TNB beroperasi dengan efisien; sementara pelaksanaan ICPT memastikan TNB kekal neutral terhadap turun naik kos penjanaan.

Datuk Seri Ir. Azman Mohd menegaskan: "Pelaksanaan IBR turut memberi manfaat kepada pengguna secara langsung, yang mana penjimatan daripada kos penjanaan yang lebih rendah berikutan penurunan harga komoditi, dapat dikembalikan semula kepada pengguna dalam bentuk rebat tarif bermula bulan Mac 2015 sehingga sekarang."

Namun begitu, kelembapan ekonomi global dan kejatuhan nilai Ringgit terus memberi kesan kepada TNB pada tahun kewangan ini. Permintaan elektrik TK2015 menyaksikan pertumbuhan sebanyak 2.2% berbanding 2.5% seperti yang direkodkan pada TK2014.



S.A. 2015/10/112 (HQ)

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata: "Kami menyedari sepenuhnya cabaran dalam landskap ekonomi semasa. Lembaga Pengarah dan pengurusan TNB sekali lagi ingin menegaskan komitmen kami dalam memastikan pertumbuhan pendapatan jangka panjang yang mampan bagi syarikat. Sebarang usaha niaga yang dijalankan oleh Kumpulan hendaklah memberikan peningkatan nilai kepada para pemegang saham. Sepanjang proses ini, kami akan memastikan bahawa tahap urus tadbir korporat yang tertinggi dipatuhi. Pertumbuhan masa depan perniagaan dan memenuhi keperluan tenaga negara adalah antara pertimbangan utama kami. "

Bagi TK2016, pertumbuhan permintaan elektrik dijangka meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berkembang pada kadar 4.0% hingga 5.0%, terutamanya disumbang oleh perkembangan dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan seperti yang dinyatakan dalam belanjawan Malaysia 2016.

Berikutan kesan kelembapan ekonomi global, termasuk penurunan harga komoditi, penyusutan nilai Ringgit dan pertumbuhan perlahan di negara-negara kuasa besar ekonomi dunia, Lembaga Pengarah kekal berhati-hati terhadap prospek Kumpulan bagi TK2016.

Bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2015, Ahli Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 19.0 sen setiap saham biasa (TK2014: 19.0 sen). Jumlah dividen akhir ini adalah bergantung kepada kelulusan para pemegang saham TNB pada Mesyuarat Agung yang akan diadakan. Penutupan Buku dan Tarikh Pembayaran akan diumumkan kemudian.

Disiarkan di Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2015

*Sila ajukan segala pertanyaan media kepada Md. Derus Bunchit (019-2662296) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681)
media@tnb.com.my*

***Sila rujuk siaran akhbar Bahasa Inggeris untuk versi asal**



S.A. 2015/10/112 (HQ)

SOROTAN KEPUTUSAN KEWANGAN

RM' Juta	12-bulan berakhir 31 Ogos	
	<u>TK2015</u>	<u>TK2014</u>
Jumlah pendapatan	43,286.8	42,792.4
Perbelanjaan operasi	(35,483.4)	(36,265.1)
Pendapatan operasi lain	824.2	653.7
Lebihan operasi (EBIT)	<u>8,627.6</u>	<u>7,181.0</u>
Kos kewangan	(944.9)	(874.6)
Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing	(819.3)	445.3
Keuntungan bersih (sebelum Tukaran Wang Asing)	6,937.7	6,021.7
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada Pemegang Saham	6,118.4	6,467.0
Pendapatan sesaham	108.41 sen	114.59 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2015, TNB membekalkan elektrik kepada 8.9 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my